

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

# KKM sasar 14 juta rakyat terima vaksin akhir Julai

**Kementerian tingkat suntikan pastikan capai sasaran indikator nilai ambang**

Oleh Latifah Arifin, Suhael Adnan dan Amirul Aiman Hamsuddin  
bhnews@bh.com.my

**Tanjong Karang:** Kementerian Kesihatan (KKM) menyasarkan 14 juta penduduk di Malaysia divaksin menjelang akhir Julai.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata, setakat semalam, 7.9 juta individu sudah divaksin yang mana 17.2 peratus populasi di negara ini menerima sekurang-kurangnya satu dos suntikan vaksin COVID-19 dengan 6.8 peratus menerima dua dos penuh.

Memberi contoh, beliau berkata, 14 peratus penduduk di Selangor sudah divaksin iaitu seramai 914,000 orang dengan

287,000 daripadanya melengkapkan dua dos suntikan.

"Kita mahu meningkatkan sekali ganda dalam tempoh sebulan ini supaya mencapai salah satu indikator nilai ambang yang ditetapkan kerajaan iaitu 10 peratus vaksinasi lengkap (dua dos)," katanya pada sidang media selepas melakukan lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Institut Pengurusan Peladang (IPP), di sini semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Azmi berkata, bagi mempercepatkan proses vaksinasi kepada seluruh masyarakat terutamanya penduduk di luar bandar, kerajaan memperuntukkan tambahan RM14 juta bagi pembelian vaksin.

"Tahun ini kita ada tiga jenis vaksin iaitu Pfizer, Sinovac dan AstraZeneca.

"Awal Julai ini, kita akan menerima lebih banyak vaksin baharu seperti CanSino dan Johnson & Johnson (J&J) yang diutamakan kepada penduduk luar bandar, orang kurang upaya (OKU), dan pendatang asing tanpa izin (PATI) dalam usaha memberi perlindungan kepada semua pihak," katanya.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Ba-



Dr Noor Azmi (kanan) bersama Ahli Parlimen Tanjong Karang, Tan Sri Noh Omar (dua dari kanan) beramah mesra dengan penerima vaksin ketika melawat PPV Tanjong Karang di Institut Pengurusan Peladang Tanjong Karang, semalam. (Foto BERNAMA)

ba, pada sidang media berasingan, berkata kementerian akan menggunakan peranti pintar dan alat pengukur kadar oksigen (*pulse oximeter*) bagi meningkatkan kecekapan dalam pemantauan pesakit COVID-19 di semua Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di seluruh negara.

Katanya, inisiatif itu bertujuan mengukuhkan pendigitalan dalam pengurusan pandemik COVID-19.

"Peranti pintar ini adalah alat untuk memantau pesakit supaya tidak keluar dari rumah atau tempat pengasingan.

"*Pulse oximeter* akan tunjukkan bacaan kadar oksigen sama ada dalam keadaan normal iaitu 95 hingga 100 peratus atau berada di paras rendah, kurang 95 pe-

ratus," katanya.

Dalam pada itu, katanya, KKM turut mengoptimalkan strategi bagi menguruskan permasalahan pesakit mental di negara ini.

"Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac tahun lalu, KKM mendapati sebanyak 91.2 peratus menghubungi talian bantuan dan memerlukan sokongan emosi serta kaunseling," katanya.

Beliau turut memberitahu, sejak akhir 2020 hingga kini, seramai 200 pegawai psikologi dilantik dan akan disambung hingga 2022 untuk tujuan advokasi pesakit mental kepada masyarakat.

Dalam pada itu, beliau berkata, situasi COVID-19 untuk minggu

epid ke-25 iaitu dari 20 Jun hingga 26 Jun lalu memperlihatkan beberapa situasi positif dengan pengurangan kes harian, kes aktif, jumlah pesakit di unit rawatan rapi (ICU) dan yang memerlukan ventilator.

Katanya, kes aktif menunjukkan pengurangan tertinggi iaitu sebanyak 10 peratus berbanding minggu epid ke-24.

"Sehingga 26 Jun, sebanyak 60,646 kes aktif direkodkan dan pada Minggu Epid ke-25, purata kes aktif adalah 61,643.

"Ini menunjukkan purata pengurangan sebanyak 10 peratus kes aktif berbanding Minggu Epid ke-24. Pengurangan kes aktif ini diperhatikan sejak tiga minggu lepas iaitu pada minggu epid ke-22," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

## Penularan COVID-19

# Kes baharu lebih 6,000 dua hari berturut-turut

## 62 kematian termasuk wanita berusia 104 tahun

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kes jangkitan baharu COVID-19 di negara ini merekodkan lebih 6,000 bagi tempoh dua hari berturut-turut, dengan 6,276 kes baharu direkodkan semalam.

Sebanyak 62 kes kematian akibat COVID-19 turut dicatatkan semalam yang turut membabitkan seorang wanita berusia 104 tahun di Negeri Sembilan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata wanita berkenaan adalah kes kematian ke-5,129, mempunyai sejarah penyakit darah tinggi dan dilaporkan meninggal dunia di Hospital Jelebu.

"Kes kematian hari ini (sema-

lam) membabitkan 59 warganegara dan tiga warga asing berusia antara 32 hingga 104 tahun. Selangor mencatatkan 22 kes kematian diikuti Negeri Sembilan (sembilan), Melaka (tujuh), Kuala Lumpur (lima) dan Johor (empat).

"Selain itu, tiga kes kematian masing-masing di Sabah dan Pahang; dua kes di Kelantan, Perak, Kedah serta Labuan dan satu kes di Sarawak," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, mengenai kes baharu COVID-19 yang dilaporkan semalam, Dr Noor Hisham berkata, pertambahan kes berkenaan menjadikan jumlah kumulatif kes meningkat kepada 751,979 kes.

"Selangor kekal menjadi negeri tertinggi melaporkan kes baharu dengan 2,836 kes, diikuti Negeri Sembilan 644 kes.

Selain itu, Kuala Lumpur sebanyak 625 kes, Sarawak (376), Johor (299) dan Sabah (242).

"Turut melaporkan pertamba-


han kes baharu ialah Kedah (226), Melaka (223), Pahang (210), Kelantan (159), Perak (137), Labuan (132) dan Pulau Pinang (131)," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, dua negeri lagi mencatatkan kes dua digit, iaitu Terengganu dengan 20 kes baharu serta Putrajaya dengan 11 kes, manakala Perlis mencatatkan lima kes baharu.

"Pertambahan kes hari ini (semalam) menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehhajatan COVID-19 di negara ini sebanyak 64,129 kes.

"Sehingga kini 905 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 452 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, 53 kluster baharu dikesan semalam dengan 13 daripadanya membabitkan tempat kerja, lapan dalam kalangan komuniti serta satu di institusi pendidikan dan kumpulan berisiko tinggi.



Pelajar Perubatan Tahun Lima Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Muhammad Firdaus Ahmad Tarmizi, menerima suntikan dos pertama vaksin COVID-19 di HUSM, Kubang Kerian, semalam. (Foto BERNAMA)

Katanya, kluster tempat kerja dikenali sebagai Kluster Industri Jalan Duyung; Kluster Industri Subang Utama Enam; Kluster Jalan PPS Satu; Kluster Industri Jalan Masjid Batu Sembilan; Kluster Perindustrian 33 dan Kluster Pasar TTDI.

Turut dikesan katanya ialah Kluster Jalan Prima Impian; Kluster Jalan Thean Teik; Kluster Perindustrian Murni Empat; Kluster Jalan Penaga Industri; Kluster Batu 23 Choh; Kluster Perindustrian Rami Satu dan Kluster Industri Bidor.

"Bagi kluster dalam kalangan komuniti ia dikenali sebagai

Kluster Kampung Pangkal Jetas, Kluster Jalan 14/44 Padang Tembak, Kluster Kampung Nibong Lemal, Kluster Parit Keroma dan Kluster Limbawang.

"Ia termasuk Kluster Tema Saan, Kluster Po Ai dan Kluster Blimbing. Kluster kumpulan berisiko tinggi pula dinamakan sebagai Kluster Jalan Emas Putih, manakala kluster pendidikan lain ialah Kluster Meranti Indah," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 4,929 kes sembuh dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya di negara ini adalah 682,680 kes.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

Oleh Yusmizal Dollah  
Aling dan Redzuan  
Muharam  
am@hmetro.com.my

## KORBAN KORONAVIRUS

# 87% usia 50 tahun ke atas

### Kuala Lumpur

Sebanyak 87 peratus kematian iaitu 4,278 daripada 4,944 kematian direkodkan pada 27 Jun lalu membabitkan pesakit berusia lebih 50 tahun.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, 85 peratus (3,602 kes) membabitkan pesakit tahap empat dan lima manakala 13 peratus bersamaan 623 kes meninggal dunia sebelum tiba di hospital.

Menurut Dr Adham, semua petugas kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pakar kini masih sedang berusaha mengurus dan mengengkang keadaan ini daripada berterusan.

"Untuk itu, kami mengajak dan memohon kepada semua pihak supaya sama-sama dalam mengukuhkan solidariti untuk me-

nurunkan jangkitan Covid-19.

"Langkah itu bagi membolehkan kita semua dapat kembali kepada kehidupan normal seperti dahulu dalam semua aktiviti,"

katanya pada sidang media ming-

guan Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (GITF), semalam.

Dalam pada itu, Dr Adham berkata, KKM juga berusaha memperkukuhkan

pengdigitalan dalam

pengurusan

pandemik Covid-19

menerusi penggu-

naan peranti pintar

dan *pulse oxymeter* di semua Pusat Penilaian Covid-19 (CAC).

"Penggunaan peranti itu bertujuan mempertingkatkan kecekapan dalam pemantauan pesakit Covid-19 yang menjalani Pemerhatian dan Pemantauan Di Rumah (HSO).

"Peranti pintar adalah alat memantau pesakit supaya tidak keluar dari rumah atau

tempat pengasingan manakala *pulse oximeter* yang dikenali di pasaran sebagai *oximeter* pula untuk mengukur kadar oksigen seseorang.

"Oximeter berkenaan akan menunjukkan bacaan kadar oksigen sama ada normal (95 hingga 100 peratus) atau kadar oksigen rendah (bawah 95 peratus)," katanya.

KKM guna peranti pintar dan *pulse oxymeter* di semua Pusat Penilaian Covid-19 (CAC)

## 7,824,912 dos vaksin sudah diberikan

**Kuala Lumpur:** Sejumlah 7,824,912 dos vaksin Covid-19 sudah diberikan kepada rakyat negara ini dan ia dijangka mencapai lapan juta seperti disasarkan semalam.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick), Khairy Jamaluddin berkata, seramai 5,363,387 orang sudah mendaftar bagi fasa dua dan 11,379,508 lagi sudah mendaftar bagi fasa ketiga.

Menurutnya lagi, seramai 2,848,431 warga emas sudah mendaftar manakala golongan berkenaan yang menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin pula adalah seramai 2,119,088.

"Oleh yang demikian pelaksanaan fasa tiga yang digerakkan secara berperingkat di tujuh negeri yang sudah mencapai kadar vaksinasi atau diberi janji temu 80 peratus penduduk."

"Negeri-negeri itu ialah Melaka, Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan Pulau Pinang dan Sarawak.

"Kadar vaksinasi negara terus konsisten dan meningkat di mana pada 24 Jun lalu, kita mencapai rekod baharu sebanyak 268,604 suntikan dos sehari.

"Purata pemberian vak-



Oleh yang demikian pelaksanaan fasa tiga yang digerakkan secara berperingkat di tujuh negeri yang sudah mencapai kadar vaksinasi atau diberi janji temu 80 peratus penduduk"

Khairy Jamaluddin

sin sepanjang minggu lalu juga meningkat 19 peratus berbanding dengan minggu sebelumnya," katanya pada sidang media mingguan Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (GITF).

Hadir sama, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, ia menunjukkan konsistensi dalam kadar vaksinasi sedang diperhebatkan.

Khairy berkata, pihaknya juga menyasarkan kepada penanda aras baru yang lebih tinggi susulan ketibaan vaksin tidak lama lagi.

Katanya, setakat ini sejumlah 9,383,114 dos vaksin sudah diedarkan ke seluruh negara dengan 4,526,730 dos Pfizer, 4,030,684 (Sino-vac) dan 825,700 dos AstraZeneca.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

## Bilangan pesakit di ICU berkurangan

**Kuala Lumpur:** Kes harian, kes aktif dan jumlah pesakit di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan yang memerlukan alat bantuan pernafasan menunjukkan pengurangan pada minggu epidemiologi (ME) ke-25 iaitu pada 20 hingga 26 Jun lalu.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba ber-



**60,646 kes aktif direkodkan sehingga 26 Jun lalu. Manakala purata kes aktif adalah 61,643 pada ME ke-25"**

**Dr Adham**

kata, berdasarkan data yang ada, kes aktif menunjukkan pengurangan tertinggi iaitu 10 peratus berbanding ME ke-24.

"Sebanyak 60,646 kes aktif direkodkan sehingga 26 Jun lalu.

"Manakala purata kes aktif adalah 61,643 pada ME ke-25.

"Ini menunjukkan pura-

ta pengurangan sebanyak 10 peratus kes aktif berbanding ME ke-24.

"Pengurangan kes aktif ini diperhatikan sejak tiga minggu lalu iaitu pada ME ke-22," katanya.


Beliau berkata demikian pada sidang media mingguan Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF), semalam.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19



PERJALANAN ambulans mengambil pesakit positif Covid-19 boleh mencecah 400 kilometer sehari.

# BUKAN SAUDARA TAPI SENTIASA DI SISI

*Petugas kesihatan jadi 'pil penenang' kepada pesakit jalani rawatan di PKRC*



PETUGAS kesihatan melakukan sanitasi setiap kali selesai mengangkut penghantaran pesakit Covid-19 ke PKRC Maeps.

**Putrajaya**

**B**agi petugas kesihatan yang mengendalikan pesakit Covid-19, mereka ini ibarat 'pil penenang' atau 'ahli keluarga sementara' pesakit kerana pada kebanyakan masa di sisi dan ada yang sehingga menghembuskan nafas terakhir.

Apa yang mereka lakukan ini sememangnya lebih jauh daripada tugas dan tanggungjawab.

Dari mula pesakit Covid-19 dibawa ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Ber-

isiko Rendah (PKRC) mahupun ke hospital, petugas kesihatanlah yang akan menemani mereka kerana tiada ahli keluarga mengiringi mereka ke sana.

Sifat keinsanan serta belas mereka, petugas jelas diuji kerana berhadapan dengan pesakit daripada pelbagai latar belakang dan tahap penyakit yang berbeza.

"Maka, tidak menghairankanlah apabila kebanyakan

barisan petugas kesihatan sudah menganggap pesakit seolah ahli keluarga sendiri memandang sentiasa bersama mereka.

**“Apabila ada yang menjadi korban virus maut itu, ia amat meruntun hati Ashidah”**

"Apabila ada yang menjadi korban virus maut itu, ia amat meruntun hati," demikian kongsi Ashidah Abdul Rahman, 29, kepada Bernama.

Ashidah yang berasal dari Kuala Lumpur berkhidmat sebagai penolong pega-



PESAKIT Covid-19 tiba di PKRC Maeps.



PESAKIT Covid-19 diiringi petugas yang membantu segala proses pendatangan di PKRC Maeps.





AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

wai perubatan di Klinik Kesihatan Bandar Tun Razak selama lebih lima tahun dan ditugaskan di PKRC Maeps (Taman Ekspo Pertanian, Serdang, Selangor) sejak 8 Disember 2020.

Sebagai penolong pegawai perubatan, Ashidah mengiringi pemandu ambulans untuk mengambil pesakit Covid-19 di tempat kediaman mereka untuk dihantar ke PKRC Maeps.

Beliau tidak menafikan pengalaman mengendalikan pesakit Covid-19 adalah paling mencabar sepanjang tempoh kerjayanya bukan sahaja kerana berhadapan dengan bahaya virus maut itu, tetapi juga kemungkinan pesakit yang dibawa serta di kendalikan tidak dapat diselamatkan daripada ancaman virus berkenaan, yang akhirnya meninggal dunia.

Menceritakan lebih lanjut, ibu kepada tiga orang anak ini berkongsi pengalaman menguruskan pesakit Covid-19 yang paling sukar dilupakan dan masih terpacu kukuh dalam ingatannya sehingga ke hari ini. Kes berkenaan melibatkan pasangan warga emas yang berusia 60 tahun.

"Pasangan warga emas ini sepatutnya dihantar ke PKRC Maeps. Bagaimanapun, keadaan kesihatan isterinya yang tidak stabil, memaksa kami untuk membawanya ke

hospital, sementara suaminya dihantar ke PKRC Maeps.

"Situasi ketika itu memang sangat meruntun hati kerana makcik tersebut berasa sangat sedih kerana tidak dapat menjalani rawatan di Maeps bersama suaminya. Sebelum makcik ini naik ambulans, dia menngis dan peluk suaminya sambil meminta maaf seolah-olah akan tahu dia akan pergi buat selama-lamanya. "Tetapi siapa sangka, memang itu pelukan dan salam terakhir kerana makcik itu meninggal dunia kesokan harinya di wad kecemasan," kata Ashidah.

Biarpun pertemuan antara Ashidah bersama wanita tersebut hanyalah sementara namun ia begitu berkesan dalam hatinya disebabkan terkilan kerana terpaksa memberi harapan kepada isteri warga emas tersebut bahawa beliau akan dapat bertemu kembali suaminya apabila dirinya pulih nanti.

"Bukan mudah kerana kami bukan sahaja perlu mengawal emosi dalam mengendalikan situasi pesakit sebegini, tetapi anak mereka juga yang melihat dari jauh dengan penuh harapan semasa ibu, ayah dibawa ke

hospital atau pusat kuarantin dengan ambulans.

"Mereka (anak) tidak hanya mengharapkan kami untuk memberikan rawatan terbaik tetapi juga sebagai 'ahli keluarga sementara' buat ibu atau ayah mereka yang dijangkiti Covid-19 kerana tidak dapat menemani bersama," katanya.

Keutuhan jalinan perasaan sebagai 'ahli keluarga sementara' dalam melaksanakan kewajipan hakiki sebagai petugas kesihatan bukan hanya dirasai Ashidah, tetapi juga turut meruntun hati mereka yang lain, termasuklah pemandu ambulans, Muhammad Syahril Md Nazri, 33.

Bagi Muhammad Syahril, tanggungjawab yang dipikulnya bukanlah sekadar memandu ambulans dan menghantar pesakit ke hospital atau pusat kuarantin. Ia adalah lebih daripada itu termasuklah cabaran mengendalikan warga emas yang tidak berdaya untuk berjalan dan tinggal di rumah bertingkat.

"Ada masanya, kami terpaksa membantu petugas kesihatan lain membawa turun pesakit yang tinggal di kawasan rumah bertingkat. Saya masih ingat satu kes seorang wanita warga emas berusia 80 tahun yang tidak larat berjalan dan tinggal di rumah Program Perumahan Rakyat (PPR).

"Tidak ada jalan lain selain terpaksa mendukung mak cik itu turun dari tingkat atas. Kami tidak boleh mengharapkan pertolongan orang lain sebab mereka tidak memakai pakaian PPE. Memang 100 peratus memerlukan kudrat petugas kesihatan dan pemandu ambulans sahaja," katanya.

Biarpun berasa letih apatah lagi ketika ini kes jangkitan Covid-19 yang masih lagi tinggi dengan setiap hari ada sahaja pesakit baharu yang perlu dihantar ke hospital atau pusat kuarantin namun atas kesedaran mahupun tanggungjawab, semua perasaan negatif itu dilempar jauh.

Memandu ambulans bukanlah satu tugas yang mudah kerana ia memerlukan cara pengendalian kenderaan yang tangkas untuk sampai ke destinasi dituju di samping pada masa sama memastikan keselamatan petugas kesihatan dan pesakit yang berada di dalamnya.

Ini kerana sekiranya lalai walaupun sekadar lima minit, ia berisiko membahayakan mereka yang lain dan kerana itu banyak kemalangan melibatkan ambulans

disebabkan faktor tidak cukup rehat berikutan waktu bekerja yang panjang serta tidak menentu.

"Memang letih, sampai saya pernah tampar muka sendiri pada pukul 2 pagi supaya dapat memandu dengan selamat. Ini kerana, perjalanan ambulans mengambil pesakit positif ini boleh mencecah 400 kilometer sehari dan itu menunjukkan betapa getirnya keadaan bendarik ini.

"Malah, saya masih ingat ketika menghantar seorang pesakit Covid-19 yang pada awalnya nampak elok, tetapi keadaannya tiba-tiba bertukar teruk. Tekanan darahnya turun mendadak dan ini membuatkan saya risau dan terpaksa memandu secepat mungkin ke hospital kerana pesakit itu sudah berumur dan berisiko. Rasa letih semua diketepikan," katanya.

Hakikatnya, ini hanyalah sebahagian daripada kisah pengorbanan petugas kesihatan yang memikul peranan lebih daripada tanggungjawab hakiki mereka.

Ianya bukan sahaja Ashidah mahupun Muhammad Syahril bahkan pastinya kesemua petugas kesihatan negara berasa sedih dan kecewa apabila masih ada lagi yang mengambil mudah akan ancaman wabak tersebut.

Malah, lebih teruk apabila ada yang mempertikaikan angka jangkitan, mengangap virus itu sebagai 'tipu' dan paling menyedihkan tular satu video yang memaparkan seorang wanita yang begitu gembira kerana dijangkiti Covid-19 tanpa berasa bimbang sedikit pun.

Walhal, pengorbanan petugas kesihatan sejak lebih setahun lalu begitu besar dalam memerangi pandemik tersebut. Ada yang sehingga tidak dapat meluangkan masa sebaiknya dengan pasangan masing-masing juga anak mereka. Mereka juga tidak dapat rehat secukupnya, tidak dapat makan dengan sempurna kerana pemakaian PPE dan banyak lagi.

"Tolonglah, Covid-19 adalah betul, ia' bukannya rekaan. Ada kawan saya tidak percaya Covid-19 itu betul, tetapi akhirnya dia dijangkiti dan saya sendiri yang mengambilnya ketika itu untuk dibawa ke hospital apabila sudah sesak nafas.

"Bagaimanapun, selepas dia sihat, isteri dan anaknya pula dijangkiti. Masyarakat, selagi mereka tidak kena, akan ingat Covid-19 ini adalah rekaan," keluh Muhammad Syahril yang turut kecewa dengan sikap individu yang masih lagi leka dengan membawa anak keluar ke tempat awam walhal jumlah kanak-kanak yang dijangkiti wabak tersebut semakin bertambah dari hari ke hari.

## 62 kematian dilaporkan semalam

**Kuala Lumpur:** Kes baharu Covid-19 mencatatkan sedikit penurunan apabila merekodkan 6,276 kes semalam menjadikan jumlah keseluruhan 751,979 kes dengan 64,129 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 16 kes import dilaporkan manakala 6,260 kes lagi membabitkan penularan tempatan.

"Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 2,836 kes diikuti Negeri Sembilan (644 kes) dan Kuala Lumpur (624 kes).

"Terdapat 905 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 452 kes memerlukan

bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 4,929 kes dilaporkan pulih semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 682,680 kes atau 90.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Terdapat 62 kematian dilaporkan hari ini (semalam) membabitkan 59 warga tempatan serta tiga warga asing berusia antara 32 hingga 104 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kronik.

"Kes-kes itu menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 5,170 kes atau 0.69 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

## 23 lagi kluster di sembilan negeri

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti 23 kluster baharu yang dilaporkan di Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor, Perak, Kelantan, Sabah, Sarawak dan Pahang, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 23 kluster dikenal pasti, 13 daripadanya kluster tempat kerja manakala lapan lagi kluster membabitkan komuniti dan masing-masing satu kluster berkaitan kumpulan berisiko tinggi serta pendidikan lain.

Menurutnya, kluster baharu pertama dikenal pasti adalah Kluster Industri Jalan Ikan Duyung yang dilaporkan di Klang, Selangor, dengan 37 kes dikesan positif.

"Kluster kedua dikenal pasti adalah Kluster Industri Subang Utama Enam yang dilaporkan di Klang dan Petaling, Selangor, dengan 28 kes dikesan positif dalam kluster ini.

"Kluster ketiga dikenal pasti adalah Kluster Jalan PPS Satu yang dilaporkan di Klang, Selangor, dengan 12 kes dikesan positif.

"Kluster keempat dikenal pasti adalah Kluster Industri Jalan Masjid Batu Sembilan yang dilaporkan di Kuala Langat dan Klang, Selangor dengan 186 kes dikesan positif," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata,

satu lagi kluster dikenal pasti adalah Kluster Perindustrian 33 yang dilaporkan di Kepong, Kuala Lumpur dengan 13 kes dikesan positif.

"Kluster keenam yang dikesan adalah Kluster Pasar TTDI yang dilaporkan di Kepong dan Cheras, Kuala Lumpur dengan 11 kes dikesan positif.

"Satu lagi kluster dikenal pasti adalah Kluster Jalan Prima Impian yang dilaporkan di Kepong, Kuala Lumpur, dengan 26 kes dikesan positif.

"Kluster kelapan dikenal pasti adalah Kluster Jalan Thean Teik yang dilaporkan di Timur Laut, Pulau Pinang, dengan 37 kes dikesan positif," katanya.

Beliau berkata, kluster kesembilan dikenal pasti adalah Kluster Perindustrian Murni Empat yang dilaporkan di Kulai, Johor, dengan 36 kes dikesan positif dalam kluster berkenaan.


"Satu lagi kluster dikenal pasti adalah Kluster Jalan Penaga Industri yang dilaporkan di Johor Bahru dan Kota Tinggi, Johor, dengan 35 kes dikesan positif.

"Kluster ke-11 dikenal pasti adalah Kluster Baru 23 Choh yang dilaporkan di Kulai, Pontian dan Batu Pahat, Johor, dengan enam kes dikesan positif.

"Satu lagi kluster dikenal pasti adalah Kluster Perindustrian Rami Satu yang dilaporkan di Muar, Johor, dengan 22 kes dikesan positif," katanya.

"Kami terpaksa mendukung mak cik itu turun dari tingkat atas"

Muhammad Syahril



AMBULANS menghantar pesakit Covid-19 ke PKRC MAEPS dan disambut oleh petugas yang bersedia menerima pesakit baharu.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : EMOSI TERGANGGU AKIBAT COVID-19

# 900,000 individu alami masalah mental

Kerajaan tempatkan 200 kaunselor di 26 hospital tangani kemurungan rakyat akibat Covid-19

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

TANJONG KARANG

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menempatkan 200 kaunselor di seluruh negara di klinik kesihatan dan hospital kerajaan bagi menangani masalah kesihatan mental rakyat yang semakin membimbangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, sebanyak 26 hospital kerajaan menyediakan perkhidmatan itu bagi membantu masalah emosi rakyat yang terkesak akibat pandemik Covid-19.

Malah, katanya, Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan (NHMS) mendapati terdapat peningkatan dua peratus kes bunuh diri pada tahun ini berbanding dua tahun sebelumnya.

"Kita menerima hampir 500,000 kes membabitkan individu dewasa yang menghadapi kemurungan dan lebih 400,000 kes kanak-kanak hadapi masalah mental," katanya di sini pada Rabu.

Dr Noor Azmi berkata, isu kesihatan mental menjadi perka-



Dr Noor Azmi (kanan) beramah mesra dengan penerima vaksin ketika melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Tanjung Karang pada Rabu. Hadir sama, Ahli Parlimen Tanjung Karang, Tan Sri Noh Omar (dua dari kanan).

ra penting sekarang terutamanya semasa rakyat dibebani dengan isu seperti kehilangan pekerjaan dan pendapatan, pergaduhan antara ahli keluarga serta masalah rumah tangga selain bosan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, kerajaan telah lama memikirkan perkara itu dan turut mewujudkan Talian Bantuan Sokongan Psikososial.

"Talian ini diwujudkan supaya orang ramai boleh menghubungi bagi mendapatkan sokongan moral dan nasihat dalam menangani gejala tekanan yang dihadapi," katanya.

Beliau berkata, Talian Bantuan Sokongan Psikososial itu turut mendapat kerjasama MERCY Malaysia dan beberapa ba-

MEDEPANI KRISIS  
**COVID-19:**  
APA TINDAKAN  
KITA?

dan bukan kerajaan (NGO) lain.

Pada Selasa, Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Noor Hisham Abdullah mendedahkan pandemik Covid-19 memberikan impak besar kepada kesihatan mental individu dengan peningkatan jumlah kes bunuh diri.

Katanya, terdapat peningkatan kes bunuh diri dilaporkan pada 2020 iaitu 631 kes berbanding 609 pada 2019 malah sehingga Mac tahun ini, sejumlah 336 kes bunuh diri dicatatkan.

## 91 peratus pemanggil perlu bantuan emosi, kaunseling

**PUTRAJAYA** - Lebih 91 peratus daripada panggilan talian bantuan yang diterima Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah daripada individu yang memerlukan sokongan emosi dan kaunseling.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, senario kesihatan mental di negara ini menunjukkan peningkatan impak terhadap permasalahan kesihatan mental.

"Antara lainnya kerana faktor seperti stres keterlaluan, murung, hilang harapan untuk meneruskan kehidupan, hilang sumber pendapatan, perselisihan dengan pasangan serta keluarga dan stigma terhadap jangkitan," katanya ketika ditanya pemberita mengenai perkara itu pada sidang akhbar di sini pada Rabu.

Menurutnya, KKM dan pelbagai Kementerian serta jabatan sentiasa bersepadu dalam mengambil inisiatif dari pelbagai aspek bagi menangani masalah kesihatan mental.

"Ja termasuk mempertingkatkan Latihan Bantuan Asas Psikologi kepada barisan hadapan dan anggota agensi lain, pelaksanaan konsep 'task shifting' iaitu pemerksasaan masyarakat dengan memberi latihan dan kemahiran kepada individu di luar KKM untuk menyampaikan advokasi dan sokongan serta intervensi psikososial kepada masyarakat," kata beliau.

Dalam pada itu, beliau berkata, sejak akhir 2020 hingga kini, seramai 200 pegawai psikologi dilantik dan akan disambung perkhidmatan mereka pada 2022 untuk meneruskan penyampaian kesihatan mental kepada barisan hadapan dan masyarakat.



DR ADHAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Terima 2 juta dos vaksin

Negara terima sumbangan  
1 juta dos vaksin  
AstraZeneca dari Jepun,  
1 juta dos Pfizer dari AS

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

SHAH ALAM

Malaysia akan menerima sumbangan 1 juta dos vaksin AstraZeneca dari Jepun pada Khamis dan 1 juta lagi vaksin Pfizer-BioNtech dari Amerika Syarikat pada Jumaat.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, sumbangan tersebut m e l a m b a n g k a n keprihatinan kedua-dua kerajaan terhadap negara dalam memerangi krisis pandemik Covid-19.

"Kerajaan amat mengalu-alukan dan berterima kasih atas sumbangan vaksin dari kedua-dua negara iaitu Jepun dan Amerika Syarikat.



Khairy bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba pada sidang akhbar mingguan perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) secara dalam talian pada Rabu.

"Sumbangan ini melambangkan keprihatinan kedua-dua kerajaan serta kepercayaan mereka terhadap negara kita dalam memerangi ancaman wabak Covid-19 dan untuk menyokong program imunisasi global bagi membendung wabak ini," katanya.

**MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?**

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar mingguan perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) secara dalam talian pada Rabu.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, bekalan vaksin yang diterima itu bakal memperhebatkan lagi PICK dan se-

terusnya membantu negara mencapai nilai-nilai ambang yang digariskan dalam Pelan Pemulihan Negara.

"Kesemua vaksin yang telah diperolehi akan diedarkan segera ke fasiliti dan pusat simpanan vaksin seluruh negara untuk kegunaan PICK dalam masa yang terdekat," katanya.

Dalam pada itu, Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, satu ciri baharu di aplikasi MySejahtera telah diperkenalkan untuk memudahkan permohonan vaksinasi bagi pelajar yang ingin menyambung pelajaran ke luar negara.

Menurut beliau, ciri baharu itu telah dikemaskini di aplikasi berkenaan dan boleh diakses oleh pengguna sejak 28 Jun lalu.

## Pertimbang pemberian vaksin Pfizer pada remaja

PUTRAJAYA - Kerajaan akan mempertimbangkan semula keputusannya sebelum ini untuk memberikan vaksin jenis Pfizer kepada golongan remaja, susulan laporan berlaku insiden kesan sampingan radang jantung dalam kalangan penerima terutamanya remaja lelaki.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pihaknya bersama Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Pendidikan akan mengadakan mesyuarat untuk membincangkan isu berkenaan.

"Kita sedang pantau perkembangan berkenaan kesan sampingan tersebut, tetapi ia tidak mengubah keputusan pemerolehan kita berkenaan Pfizer.

"Cuma ia ada kaitan sedikit dengan keputusan, sama ada kita nak bagi Pfizer pada golongan remaja disebabkan insiden radang jantung dalam kalangan remaja lelaki agak tinggi," katanya.

Khairy berkata, isu kesan sampingan vaksin Pfizer telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 kepadanya dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Sebelum ini, Agensi Ubat-Obatan (FDA) Amerika Syarikat, merancang untuk mengemas kini garis panduan pemberian vaksin Covid-19 jenis Pfizer dan Moderna kepada remaja dan golongan muda, selepas menemui kemungkinan risiko radang jantung.

Kerajaan pada 21 Jun lalu meluluskan pemberian vaksin Pfizer kepada golongan kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke atas.

Ditanya adakah kerajaan bercadang mempercepatkan selang masa penerimaan dos kedua vaksin AstraZeneca dari 12 minggu kepada enam minggu terutamanya untuk warga emas, beliau berkata, perkara itu akan diumumkan hari ini.

Khairy berkata, kerajaan masih mempertimbangkan kaedah *mix and match* dua jenis vaksin Covid-19.

"Buat masa ini, anda akan diberikan dos kedua sama seperti dos pertama. Untuk AstraZeneca, dos kedua juga akan diberi AstraZeneca," katanya.

Sementara itu, diminta mengulas tweet Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkenaan keberkesanan vaksin AstraZeneca dan Sinovac terhadap Variant of Concern (VOC) Delta, Khairy berkata, setakat ini semua vaksin Covid-19 yang digunakan di Malaysia masih mampu memberi perlindungan kepada varian-varian Covid-19.

"Walaupun mungkin terdapat varian dalam terma keberkesanan vaksin terhadap VOC Delta, ia (vaksin) masih melindungi anda. Jadi apapun vaksin yang ditawarkan, sila ambil vaksin itu," katanya.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# 6,276 kes positif, 62 kematian

Selangor masih kekal catat kes harian tertinggi dengan 2,836 kes

**KUALA LUMPUR**

Sebanyak 6,276 kes baharu Covid-19 direkodkan dalam negara pada Rabu menjadikan jumlah kumulatif kes ialah 751,979, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah. Menerusi perkongsian dalam Twitter, beliau memaklumkan, Selangor kekal mencatatkan kes harian tertinggi dengan 2,836 kes, diikuti Negeri Sembilan (644); Kuala Lumpur (625);

Sarawak (376); Johor (299); Sabah (242); Kedah (226); dan Melaka (223).

Selain itu, Pahang mencatatkan 210 kes diikuti Kelantan (159); Perak (137); Labuan (132); Pulau Pinang (131); Terengganu (20); Putrajaya (11); serta lima kes di Perlis.

Sementara itu, Dr Noor Hisham dalam kenyataan memaklumkan daripada 6,276 kes baharu, 16 adalah kes import dan 6,260 kes melibatkan penularan dalam negara.

Beliau berkata, sebanyak 4,929 kes sembuh dicatatkan pada Rabu menjadikan jumlah

kumulatifnya 682,680 kes.

"Kes aktif kini mencatatkan 64,129 manakala jumlah pesakit Covid-19 yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) seramai 905 orang termasuk 452 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan, 62 lagi kematian akibat Covid-19 dilaporkan melibatkan 59 warganegara dan tiga warga asing berumur lingkungan 32 hingga 104 tahun dengan majoritinya menghidap penyakit kronik menjadikan angka keseluruhan korban akibat wabak



Warga emas, Mahlet Leman, 63, menerima suntikan dos pertama pada Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Klinik Kesihatan Jalan Masjid di Dewan Majma' Kuching pada Rabu.

**MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?**


itu kini 5,170 orang.

Dalam pada itu, sebanyak 23 kluster baharu dikesan pada Rabu dengan 13 daripadanya melibatkan penularan di tempat kerja, lapor kluster melibatkan komuniti dan masing-masing satu kluster melibatkan kumpulan be-

risiko tinggi dan pendidikan lain.

Kluster baharu tempat kerja yang ditekodkan ialah empat di Selangor iaitu Industri Jalan Ikan Duyung, Industri Subang Utama Enam, Jalan PPS Satu dan Industri Jalan Masjid Batu Sembilan. - Bernama

**SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**




| JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI |         |                  |           |             |        |
|---|---------|------------------|-----------|-------------|--------|
| JUMLAH KESELURUHAN:                                 | 751,979 | PULIH:           | 682,680   | ICU:        | 905    |
|   |         | KEMATIAN:        | 5,170     | KES BAHARU: | +6,276 |
|   |         | SUDAH DI VAKSIN: | 7,824,912 |             |        |

**KES BAHARU DALAM SEMINGGU**

|        |           |
|--------|-----------|
| 30 Jun | 6,276 kes |
| 29 Jun | 6,437 kes |
| 28 Jun | 5,218 kes |
| 27 Jun | 5,588 kes |
| 26 Jun | 5,803 kes |
| 25 Jun | 5,812 kes |
| 24 Jun | 5,841 kes |

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 745,703 kes kepada 751,979 kes





AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

### Isu doktor kontrak KKM ke Mesyuarat Jemaah Menteri

**PUTRAJAYA** – Isu pegawai perubatan kontrak yang belum diserap ke jawatan tetap akan dibawa ke Mesyuarat Kabinet, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, sehingga 31 Mei lepas, terdapat 35,216 lantikan secara kontrak bagi tiga skim utama iaitu Pegawai Perubatan UD41 seramai 23,077 orang, Pegawai Pergigian UG41 (5,000 orang) dan Pegawai Farmasi

UF41 seramai 7,139 individu.

“Saya mohon doktor-doktor yang sedia ada dalam skim kontrak supaya bersabar dan bertenang.

“Kertas kerja telah disiapkan dan kita akan lihat keputusan jemaah menteri,” katanya pada Rabu.

Sebelum ini Dr Adham berkata, KKM telah melaksanakan penambahbaikan skim pegawai perubatan kontrak iaitu menaikkan gaji dari UD41

kepada UD43 hampir menyamai gaji pegawai perubatan tetap.

Media melaporkan kira-kira 23,000 doktor berjawatan kontrak akan melakukan Tindakan Hartal Doktor Kontrak atau mogok di seluruh negara yang dijadualkan pada 26 Julai ini.

Isu berikutan pelbagai cara dilakukan kumpulan berkenaan bagi memastikan mereka diserap ke dalam perkhidmatan tetap, masih gagal. - *Bernama*



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS/NATION

## Selangor again tops list of new cases with 2,836 infections

**KUALA LUMPUR:** Selangor continues to record the highest number of Covid-19 cases yesterday, logging 45 per cent of the cumulative new cases in the country.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the state reported 2,836 infections out of yesterday's 6,276 new cases.

This figure brought the tally of Covid-19 cases to 751,979, with 64,129 active infections.

Dr Noor Hisham said Negri Sembilan logged 644 cases, followed by Kuala Lumpur (625), Sarawak (376), and Johor (299).

Other states with new infections in the hundreds were Sabah with 242 cases, Kedah (226), Melaka (223), Pahang (210), Kelantan (159), Perak (137), Labuan (132), and Penang (131).

Putrajaya reported 11 new cases, and Perlis, five.

Of the total, 16 were imported cases, involving 12 Malaysians and four foreigners.

Dr Noor Hisham said 905 patients needed intensive care, and 452 required breathing aid.

He added that 62 people had died from the virus up to noon yesterday, pushing the death toll to 5,170.

"Twenty-two deaths were reported in Selangor, Negri Sembilan (nine), Melaka (seven), Kuala

Lumpur (five), and Johor (four).

"Sabah and Pahang saw three fatalities each, and there were two deaths each in Kelantan, Perak, Kedah, and Labuan, and one death in Sarawak."

Another 4,929 people had recovered, he added, bringing the total number of recoveries to 682,680, or 90.8 per cent.

The Health Ministry, he said, had also detected 23 new clusters, 13 of which were linked to workplaces.

The workplace clusters were reported in Klang, Petaling, and Kuala Langat in Selangor; Kepong and Cheras in Kuala Lumpur; Timur Laut in Penang; and, Johor Baru, Kota Tinggi, Kulai, Pontian, and Batu Pahat in Johor.

Eight other clusters were community clusters reported in Kelantan (Machang, Kota Baru and Pasir Mas); Johor (Muar); Sabah (Beaufort); and Sarawak (Tebedu, Sri Aman and Bau).

Dr Noor Hisham said one cluster involved a high-risk group in Klang, and another cluster was an education cluster in Bera, Pahang.

Of the new clusters, the Industri Jalan Masjid Batu Sembilan cluster detected in Kuala Langat and Klang, reported the highest number of cases with 186 people testing positive out of 311 screened.

## Adham: Cabinet paper on contract health workers being prepared

**KUALA LUMPUR:** Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said a cabinet paper on the issue of job insecurity faced by contract healthcare workers was being prepared.

He said the government would look into amending the existing scheme so that contract health workers could receive greater benefits.

He, however, did not indicate when the paper would be presented to the cabinet.

"As at May 31, there are 35,216 contract doctors in many schemes, including 23,077 medical officers, 5,000 dental officers and 7,139 pharmacists."

He said the ministry would take in healthcare graduates via the graduate training slots included in the contract healthcare workers' scheme.

The ministry, he said, would take in 12,153 healthcare graduates in each cycle.

"They are also under the contract scheme before they are required to undergo compulsory training for

two years after the completion of their housemanship," he said, adding that the group would be awarded permanent positions based on merit and performance in their master's degrees.

"Therefore, I would like to appeal to all doctors under the contract scheme to remain patient and calm."

He added that the government had previously carried out salary and grade adjustments for contract medical officers from Grades UD41 to UD43.

It was reported that a group of contract doctors would be organising a strike to force the government to provide fairer compensation and benefits based on their job scope.

The group consists of contract doctors from private and public hospitals who identified themselves under the hashtag, #Har-talDoktorKontrak.

Due to their temporary positions in the civil service, the group said the strike would consist of three phases starting today.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : NEWS/NATION

## Another 62 die, taking country's death toll to 5,170

**PETALING JAYA:** New Covid-19 daily cases continued to surpass recoveries with 6,276 infections against 4,929 recoveries in the last 24 hours.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 62 more people, including three foreigners, succumbed to the virus during the period, taking the country's death toll to 5,170 lives.

Of the latest deaths, Selangor

recorded 22 cases, Negri Sembilan (nine), Melaka (seven), Kuala Lumpur (five), Johor (three) while Sabah and Pahang had three cases each.

Kelantan, Perak, Kedah and Labuan each recorded two deaths while Sarawak had one fatality.

Dr Noor Hisham said the country's Covid-19 death rate was at 0.69%.

"The youngest casualty reported

was a 32-year-old woman at Hospital Shah Alam who had diabetes, asthma and obesity," he said.

He said the brought-in-dead cases were at Hospital Ampang in Selangor, Universiti Malaya Medical Centre in Selangor, Hospital Tengku Ampuan Rahimah in Klang, Hospital Kota Belud in Sabah, Hospital Jelebu in Negri Sembilan and Hospital Labuan.

At present, 905 patients are being

treated at the intensive care unit, with 452 on ventilator support.

Dr Noor Hisham said the current total of active Covid-19 cases had risen to 64,129.

He said 23 new clusters had been identified nationwide, of which 13 were outbreaks at the workplace.

"Four of the workplace clusters were reported in Selangor, three in Kuala Lumpur, four in Johor and one each in Penang and Perak."

## 231,733 jabs given on Tuesday

**KUALA LUMPUR:** Malaysia administered 231,733 doses of Covid-19 vaccines on Tuesday.

The Special Committee on Covid-19 Vaccine Supply Access Guarantee tweeted yesterday that 147,783 people received their first jabs of the vaccine, while 83,950 completed both doses on June 29.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba, in a tweet yesterday, said a total of 7,824,912 doses of Covid-19 vaccine had been administered to the people nationwide as of Tuesday.

He said the number included 5,610,911 (17.2% of those eligible) first-dose vaccine recipients and 2,214,001 individuals (6.8% of those eligible) who received their second vaccine shot.

He said the five states that recorded the highest number of people who had completed two doses of the vaccine were Selangor with 287,127 recipients, followed by Sarawak (246,259), Johor (233,239), Perak (201,040) and Sabah (188,690).

— Bernama